

 **kualiti terbaik**

Cukup matang, kelihatan segar, bersih dan bebas dari sebarang kecacatan dan kerosakan fizikal.




 **kualiti yang diterima pasaran**

Cukup matang, kelihatan segar dan bersih. Terdapat kecacatan rupa yang minimum dan bebas dari sebarang kerosakan fizikal



 **kualiti yang tidak dikehendaki pasaran**

Kobis Bulat yang mengalami kecacatan dan rosak.

 Tidak cukup matang, tidak segar, kotor dan terdapat kecacatan yang teruk rosak disebabkan oleh halwan perasak, penyakit dan kecederaan mekanikal yang boleh menjejaskan jangka hayat, pemakanan dan kualiti.



Siri Panduan **KUALITI**

KOBIS BULAT



KOBIS BULAT atau nama botaninya *Brassica oleracea* var. *capitata* tergolong dalam keluarga Cruciferae dipercayai berasal dari Selatan Eropah dan kawasan Mediterranean. Ia banyak ditanam di kawasan bersuhu rendah seperti di Utara India, Asia Tenggara, Amerika Selatan dan di sebahagian kawasan tropika.

Di Malaysia, kawasan pananaman utama Kobis Bulat ialah di tanah tinggi Cameron Highlands, Pahang dan Kundasang, Sabah kerana tanaman Kobis Bulat agak sensitif terhadap suhu dan biasanya hidup dengan subur di kawasan 800 m di atas paras laut. Untuk Kobis Bulat tanah rendah, ia banyak di tanam di negeri Johor.

Terdapat beberapa kultivar Kobis Bulat dari jenis yang berwarna putih hijau dan ungu. Dua jenis Kobis Bulat putih hijau yang popular ditanam secara komersial ialah Kobis Batu, sejenis Kobis Bulat padat yang digunakan oleh kebanyakan restoran makanan segera dan Kobis Manis yang lebih longgar dan ringan tetapi digemari oleh pengguna di negara ini.

kepentingan kualiti

Perubahan gaya hidup dan kehendak pengguna masa kini meningkatkan cabaran kepada pengeluar hasil pertanian untuk mengeluarkan produk yang bukan sahaja menepati kehendak dari aspek fizikal dan citarasa, malah juga selamat untuk dimakan. Selain dibungkus dengan sempurna, hasil pertanian perlu bebas dari sisa baki racun perosak dan memenuhi tahap kualiti fizikal yang dikehendaki pasaran.

Untuk mencapai tahap kualiti ini, Kobis Bulat perlu dikendalikan dengan sebaiknya bermula dari amalan ladang, pengendalian lepas tuai hingga ke peringkat pemasaran. Penuaian perlu dilakukan pada tahap kematangan optimum yang kebiasaannya 70-90 hari selepas ditanam untuk Kobis Bulat yang ditanam di tanah rendah dan 80-100 hari selepas ditanam untuk Kobis Bulat tanah tinggi (lebih 100m atas aras laut). Amalan menuai di negara ini biasanya dibuat dengan memotong batang pada paras tanah. Kobis Bulat kemudiannya dirapikan sedikit dan dibungkus di ladang semasa penuaian dan terus dipasarkan. Bagi tujuan penyimpanan sementara, suhu yang sesuai ialah 5-7°C pada kadar kelembapan relatif 90-95%.

jenis-jenis kobis bulat

Kobis Bulat tempatan: Kobis Batu dan Kobis Manis



Kobis Batu – Jenis Kobis Bulat padat dan banyak digunakan oleh kebanyakan industri makanan segera di negara ini. Ia digemari pengeluar kerana lebih berat berbanding Kobis Manis dan lebih tahan lasak semasa dikendalikan. Kebanyakan Kobis Bulat ini diimport dari Indonesia dan China. Kobis Bulat jenis ini banyak ditanam di kawasan tanah tinggi Kundasang di Sabah.



Kobis Manis – Jenis Kobis Bulat yang agak longgar dan ringan. Kobis Bulat jenis ini banyak ditanam di Cameron Highlands, Pahang dan lebih digemari pengguna di Malaysia. Harganya juga lebih mahal berbanding Kobis Batu. Bagaimanapun ia kurang lasak semasa dikendalikan.

pengelasan gred

Kobis Bulat dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada ciri-ciri gred seperti jadual berikut :

Gred	Spesifikasi	Kelongsoran (Maksimum)
Premium	Kobis Bulat dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, agak padu, segar, bersih dan mempunyai saiz yang seragam. Ia juga mestilah bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Segar $\leq 5\%$ Rosak $\leq 5\%$ Kecacatan $\leq 5\%$ Keseragaman saiz $\leq 5\%$
1	Kobis Bulat dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, agak padu, segar, bersih dan mempunyai saiz yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Segar $\leq 5\%$ Rosak $\leq 5\%$ Kecacatan $\leq 10\%$ Keseragaman saiz $\leq 10\%$
2	Kobis Bulat dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, agak padu, segar, bersih dan mempunyai saiz yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Segar $\leq 10\%$ Rosak $\leq 10\%$ Kecacatan $\leq 10\%$ Keseragaman saiz $\leq 10\%$

pengelasan saiz

Bagi Kobis Bulat, saiz ditentukan oleh berat dalam unit kilogram (kg) seperti jadual berikut :

Saiz	Kod	Berat (kg)
Besar	L	> 1.3
Sedang	M	> 0.5 – 1.3
Kecil	S	< 0.5